

Longgok sampah di tempat kereta

Berita Harian 17/05/2010
M/S 7

Pihak tidak bertanggungjaab, sikap masyarakat kurang kesedaran sivik

SALAK TINGGI: Biasanya tempat letak kereta disediakan untuk orang ramai meletakkan kenderaan, tetapi di kawasan perniagaan di sini, ia dijadikan lokasi melonggok sampah.

Sikap pelik sesetengah pihak itu sekali gus menunjukkan pemikiran yang tidak setanding dengan negara maju dan kekurangan kesedaran sivik.

Beberapa pembaca Senang yang tidak puas hati dengan keadaan itu berkata pemilik premis yang berdekatan dengan longgokan sampah itu wajar menegur pihak yang membuang sampah di situ atau paling baik bersama-sama membersihkannya tanpa menunggu pihak berkuasa tempatan.

Pengunjung, Faizal Azman, 32, berkata sikap itu amat memalukan bagi penduduk di kawasan berdekatan bandar kerana ia adalah lokasi tum-



SAMPAH yang dilonggokkan di tempat letak kereta di kawasan perniagaan.

puan orang ramai berikutan banyak kedai dan pusat perniagaan di situ.

"Saya berasa pelik dengan sikap masyarakat kita, ruang letak kereta yang sepatutnya menjadi kemudahan untuk meletakkan kereta boleh menjadi tempat melonggok sampah seperti itu.

"Perkara itu nampak kecil kerana membuang sampah selalu dianggap isu kecil, tetapi ia sebenarnya melambangkan tahap pemikiran masyarakat kita di sini," katanya.

Beliau berkata, tindakan pihak tertentu melonggok sampah di situ juga menyebabkan orang ramai sukar meletakkan kenderaan terutama pada waktu puncak antara jam 12 tengah hari hingga 2 petang pada hari bekerja.

"Ramai pekerja yang datang ke kawasan ini untuk makan dan melakukan pelbagai urusan," katanya.

Khairul Ramli, 25, berkata majlis perbandaran perlu memantau keadaan itu dan mengenakan saman terhadap mereka yang melonggokkan sampah merata tempat seperti itu.

"Penguat kuasa majlis bandaran boleh datang menyamar dan perhatikan siapa yang buang sampah di situ dan saman saja mereka," katanya.

Beliau berkata, pemilik premis dekat dengan tempat pembuangan sampah haram itu juga perlu bertanggungjawab dan menegur perbuatan membuang sampah seperti itu.